

Headline	LANGKAH TEPAT PERKENAL HOC		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	112,705
Page No	PP34	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	358 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,049
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,147



Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang diperkenalkan kerajaan pada Januari tahun lalu dianggap sebagai langkah dan kejayaan besar dalam menangani rumah yang tidak terjual di negara ini.

Portal hartanah dalam talian, PropertyGuru melihat perkara berkenaan disokong oleh inisiatif yang diambil pihak pemaju serta pemilik yang menyesuaikan harga sepanjang kempen itu berlangsung.

Bagaimanapun, portal itu berkata, perkara terabit turut dilihat akan memberi kesan jangka panjang kepada sektor hartanah negara kerana jualan rumah dari pasaran sekunder adalah penyumbang majoriti kepada transaksi rumah di Malaysia.

"HOC boleh dianggap berjaya dalam menangani isu penjualan rumah khususnya dari segi mengurangkan kadar unit rumah yang tidak terjual.

"Bagaimanapun, sesetengah penganalisis

## LANGKAH TEPAT PERKENAL HOC



KIRA-kira 28,000 unit hartaanah pelbagai kategori terjual menerusi kempen HOC sehingga November lalu.

berpendapat kempen itu menjadi antara faktor penurunan permintaan harga rumah di seluruh negara berdasarkan penemuan Indeks Pasaran PropertyGuru.

"Ia mungkin disebabkan penjual dan pemilik rumah menyesuaikan harga

mereka di sebalik yang tersedia di pasaran semasa berlangsungnya HOC," katanya.

Menurut portal hartanah itu lagi, apabila kerajaan ingin melaksanakan HOC pada tahun ini, antara perkara yang perlu

dipertimbangkan dan diambil kira adalah mengenai hartaanah kediaman dari pasaran sekunder.

Ini kerana sebarang lanjutan mengenai HOC perlu mengambil kira perkara berkenaan.

"Dari segi menambah

baik kempen itu sendiri, daripada permintaan daripada peserta industri supaya rumah pasaran sekunder turut diambil kira dalam HOC sekali gus membantu menangani isu pasaran rumah di negara ini," katanya.

Dalam pada itu, pencari hartaanah dalam pasaran seperti di Kuala Lumpur dan Selangor boleh melindungi nilai pertaruhan mereka dengan memeriksa sentimen pembelian.

Berdasarkan Tinjauan Sentimen Pengguna PropertyGuru pada separuh pertama 2019, rakyat di negara ini semakin terbuka untuk membeli rumah di pasaran sekunder.

Kerajaan pada tahun lalu turut bersetuju untuk

memberi pengecualian duti setem bagi surat cara pembelian rumah dan surat cara perjanjian pinjaman untuk rumah yang dijual sepanjang tempoh HOC diadakan dari Januari

hingga Jun 2019.

Malah, pihak pemaju turut bersetuju untuk memberi diskon sekurang-kurangnya 10 peratus kepada rumah yang dijual sepanjang kempen terbabat.

Berdasarkan permintaan yang memberangsangkan daripada pembeli rumah seluruh negara, kerajaan melanjutkan kempen HOC dari Jun sehingga penghujung tahun lalu.

Sementara itu, sejak HOC dilancarkan, ia berjaya merekodkan jualan hartaanah berjumlah RM21 bilion membabitkan penjualan lebih 28,000 unit hartaanah pelbagai kategori sehingga November lalu.

Kempen itu juga dijangka mampu mencapai jualan hartaanah keseluruhan sebanyak RM24 bilion sehingga akhir tahun lalu.